

STRAITS TIMES

15 JAN 1981

LIBRARY, S'PORE

PERSEKUTUAN SILAT SINGAPURA
PERSISI

PROJEK BUKU PENCAK SILAT

PRAKATA

Hasrat untuk menerbitkan sebuah Buku Pencak Silat telah lama wujud di hati setiap anggota Jawatan -kuasa Pentadbir Persekutuan Silat Singapura (JKP - PERSISI) sejak dari masa penubuhannya. Kami maklum bahawa untuk mencapai cita-cita tersebut bukanlah suatu perkara yang mudah, ia memerlukan daya usaha dan pengorbanan, juga kerjasama dan sokongan.

Usaha pertama yang kami mulakan ini adalah se -bagai titik permulaan untuk menuju ke arah matlamat yang dicita. Kami bukanlah ahli dalam bidang ini, tetapi sebagai badan induk; perkara ini telah menjadi tanggung-jawab kami. Oleh itu; berilah kami panduan dan bantuan, tegurlah kami secara jujur semoga segala hasrat dapat dilaksanakan.

LATARBELAKANG

Pelancaran projek untuk menerbitkan Buku Pencak Silat ini telah dimulakan pada tahun 1978. Perkara ini telah dibincangkan dengan teliti dan telah di se-tujui oleh semua pihak dan restu dari Presiden PER -SISI, Ybh Tuan Haji Ya'acob Mohamed (Menteri Negara bagi Pejabat Perdana Menteri - yang kini menjadi Du-tabesar Singapura di India).

Sebagai lakar awalnya, secara umum projek ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian besar yang me-liputi negara-negara yang mempunyai federasi persila-tannya atau mempunyai kementerian yang mengembeling pergerakan persilatannya sementara federasinya belum

belum lagi tertubuh. Negara-negaranya ialah; Indonesia, Malaysia dan Singapura. Kerja-kerja penyelidikan telah dimulai di Singapura oleh Jabatan Penerangan dan Penerbitan (JPP) - PERSISI. Jabatan ini dianggotai oleh:

Pengerusi	:	Encik Johari M M Uriff
Pengarang	:	Encik Arif b H Zahari
Setiausaha Urusan	:	Encik Mohamed Kaspari
Setiausaha Kewangan	:	Encik Ismaon H Ali
Pegawai Pembekalan	:	Encik A Rahim Dayan
Pegawai Pengedaran	:	Encik Ja'afar H Ya'akob
Jurugambar Undangan	:	Encik Suprayitno Isharno

Memandangkan kepada kerja-kerja yang kian bertambah, anggota JPP telah diperbesar dengan kemasukan dua orang lagi anggota, iaitu Encik Mohd Seain Madsom dan Encik Haris Samat. Termasuk juga dalam struktur JPP ini ialah dua orang Penasihat yang terdiri dari Ybh Tuan Haji Ya'acob Mohamed dan Ybh Encik Sidek Saniff, Presiden dan Timbalan Presiden PERSISI.

Sambil itu, JPP telah merangkakan beberapa kunjungan merintis dan kunjungan muhibbah untuk meninjau kemungkinan mendapatkan bahan-bahan kajian dari negara-negara jiran. Peringkat pelaksanaan kunjung-kunjungan ini telah dibahagikan kepada:

Peringkat I	:	Kajian di Singapura
Peringkat II	:	Kunjungan ke Malaysia
Peringkat III	:	Kunjungan ke Indonesia

Ekoran dari hubungan yang terjalin semasa dijalankan PESTA SILAT TIGA NEGARA ASEAN yang pertama di Singapura pada tahun 1977, PERSISI telah menghantar sebuah Rombongan Perintis ke Malaysia pada 21 - 23hb April, 1978. Rombongan ini telah dianggotai oleh:

Encik Johari H M Uriff
Encik Arif b H Zahari
Encik Ismaon H Ali
Encik Ja'afar H Ya'akob

Rombongan ini telah membuat hubungan langsung kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan - Malaysia (KKBS - Malaysia). Hubungan ini telah dibuat melalui Pegawai KKBS, Encik Abdullah Nawi yang kemudiannya kami telah dirujuk pula kepada Encik Zainal Abidin Abu Zarin, seorang lagi Pegawai KKBS yang bertugas dalam bahagian yang berkaitan dengan perkara persilatan, khusus untuk mengaturkan rancangan Lawatan Muhibbah dan Kaji-Lawat yang akan datang.

Selanjutnya, sebelum menjelang keberangkatan Rombongan Muhibbah dan Kaji-Lawat PERSISI ke Malaysia satu majlis taklimat Projek Buku Pencak Silat telah diadakan pada 1hb Mei, 1978 di Emperan PERSISI, No 3, Jalan Penggaga, Singapura 14. Dalam pertemuan ini kerabat-kerabat PERSISI dan para gurunya telah disarankan supaya membuat persiapan-persiapan awal mengumpul bahan-bahan dari perguruan masing-masing.

Rancangan Lawatan Muhibbah dan Kaji-Lawat yang dirancangan telah dijalankan dari 10 - 16hb Jun, 78. Dalam lawatan sesingkat itu, PERSISI-KKBS telah menjalin satu ikatan kerjasama untuk menjayakan Projek Buku Pencak Silat - PERSISI. Rombongan ini telah diketuai oleh Ybh Encik Sidek Saniff, Timbalan Presiden PERSISI (Anggota Parlemen - Kolam Ayer) dengan anggota lainnya yang terdiri dari:

Encik A Rahim Dayan : Encik Haris Samat
Encik Johari H M Uriff : Encik Mohamed Kaspari
Encik Arif b H Zahari : Encik Mohd Seain Madsom
Encik Ismaon H Ali : Encik Suprayitno

Selain dari menemui pegawai-pegawai tinggi KKBS., rombongan ini juga telah sempat membuat lawatan dan bertamu ke perguruan-perguruan:

Silat Senigayung Malaysia

Silat Linciah

Silat Cekak

Silat Depowojo

Silat Gayung Fatani

Silat Gayung Laksamana dan telah dapat mengumpulkan bahan-bahan kajian untuk Buku Pencak Silat dari perguruan-perguruan tersebut.

Dalam masa rombongan ini berada di Malaysia, persiapan-persiapan kontinjen pesilat-pesilat Singapura ke PESTA SILAT TIGA NEGARA ASEAN kedua di Jakarta, Indonesia telah diuruskan oleh Encik Ja'afar H Ya'akob.

Sekembalinya dari Kuala Lumpur, kontinjen pesilat-pesilat Singapura telah berangkat ke Jakarta. Dalam rombongan seramai 15 orang peserta dan pegawai itu, termasuk juga 4 orang pegawai PERSISI yang ditugaskan khas untuk menjadi perintis bagi menjalin ikatan kerjasama dengan Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) dan meninjau kemungkinan untuk mendapatkan bantuan bahan kajian Projek Buku Pencak Silat. Dalam pertemuan-pertemuan yang dibuat, PERSISI telah sempat menemui pakar-pakar silat Indonesia yang turut dalam Kejuaraan Nasionalnya (Kejurnas) dan membuat tinjauan-tinjauan yang kemudiannya ternyata telah membawa perubahan dalam penyelenggaraan projek ini.

Anggota pegawai-pegawai perintis ini terdiri dari Ybh Encik Sidek Saniff, Encik Johari H M Uriff, Encik Arif b H Zahari dan Encik Mohamed Kaspari yang berada di Indonesia dari 17 - 22hb Jun, 1978.

Laporan dari lawatan-lawatan yang dibuat telah di -
sampaikan kepada Presiden dan JKP PERSISI. Dari per -
bincangan-perbincangan dengan Presiden PERSISI Ybh
Tuan Haji Ya'acob Mohamed, beliau telah menyarankan
supaya projek ini diubah dasarnya dan dijadikan;
PROJEK BUKU PENCAK SILAT USAHA BERSAMA - INDONESIA,
MALAYSIA dan SINGAPURA.

Bingkisan perubahan dasar projek ini telah di -
bawa semula ke Jakarta dan ke Kuala Lumpur. Rombongan
ke Jakarta telah diketuai oleh Ybh Encik Sidek Saniff
dengan anggota lainnya terdiri dari Encik Johari H M
Uriff dan Encik Arif b H Zahari. Turut serta dalam
rombongan ini ialah Ybh Encik Mansor H Sukaimi, Tim -
balan Presiden Persatuan Sepaktakraw Amateur Singapura
(PERSES), Anggota Parlemen - Kg Kembangan yang di -
utuskan khas oleh Presiden PERSES-PERSISI Ybh Tuan Hj
Ya'acob Mohamed sebagai wakil peribadinya dan sambil
itu beliau akan membincangkan soal-seal perkembangan
sepaktakraw serantau dengan pihak Indonesia. Rombongan
ini telah berada di Jakarta dari 7 - 10hb Mei, 1979.

Berikutnya, PERSISI telah menghantarkan sebuah
lagi rombongan yang membawa bingkisan yang sama ke -
Kuala Lumpur bersama-sama rombongan PERSES. Rombongan
ini berada di Kuala Lumpur dari 14 - 18hb Jun, 1979.
Pegawai-pegawai PERSISI terdiri dari Ybh Encik Sidek
Saniff dan Encik Arif b H Zahari, Ybh Encik Mansor H
Sukaimi dan Encik Daud Sirun mewakili PERSES dalam me-
laksanakan urusannya.

Hasil dari kedua-dua kunjungan ke Jakarta dan Ku-
ala Lumpur itu adalah sebagai berikut:

- (1) Pihak-pihak Indonesia dan Malaysia menyambut
baik dan menyetujui rancangan Projek Buku
Pencak Silat yang baru yang akan diselangka-
rakan oleh ketiga-tiga buah negara.

- (2) Saranan pihak Indonesia untuk meminta Singapura sebagai anggota yang memulakan Projek ini supaya menyiapkan kerangka / lakar kandungan Buku Pencak Silat telah di -setujui oleh pihak Malaysia.
- (3) Tarikh perundingan yang akan datang ialah pada bulan September 1979, semasa dijalankan SEA Games ke X di Jakarta, Indonesia.

Dengan persetujuan yang tersebut di atas, kami dengan sedayanya telah cuba menyiapkan lakar kandungan secara ringkas Buku Pencak Silat tersebut. Kami maklum bahawa persembahan yang dapat kami ketengah - kan ini adalah jauh dari kesempurnaan, justru itu kami mohon petunjuk dari pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat kita sama berganding bahu dalam usaha menjayakan projek ini untuk dijadikan sumbangsih dan warisan kepada jenerasi yang akan datang.

abhaz
b/p : JPP - PERSISI

NOTA :

**PERSEKUTUAN SILAT SINGAPURA
PERSISI**

- PROJEK BUKU PENCAK SILAT

1 TUJUAN:

Usaha bersama untuk menerbitkan Buku Pencak Silat yang otoretif dan tinggi mutunya yang dapat dijadikan panduan dan rujukan. Kandungannya akan meliputi:

- 1.1 Sejarah asal usul seni mempertahankan diri sejagat.
- 1.2 Sejarah asal usul seni pencak silat.
- 1.3 Perkembangannya.

2 PENGUSAHA:

Tiga buah negara ASEAN yang diwakili oleh federasi pencak silatnya:

- 2.1 Indonesia : Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI),
- 2.2 Malaysia : Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS).
- 2.3 Singapura : Persekutuan Silat Singapura (PERSISI).

3 BENTUK BUKU:

Untuk pilihan:-

- 3.1 Sebuah buku lengkap.
- 3.2 Bersiri dalam bentuk jilid / volume, kandungannya dilengkapi dalam beberapa jilid yang tertentu.
- 3.3 Bersiri dalam bentuk tajuk-tajuk yang ada, sebuah buku untuk satu tajuk.

PELAKSANAAN:

4 PERSITUJUAN:

Pada prinsipnya secara lisan, setiap negara telah bersetuju untuk mengusahakan penerbitan Buku Pencak

Silat ini. Walau bagaimana pun, adalah wajar bagi kita untuk mengabadikan persetujuan ini secara bertulis sebagai satu dokumen penting yang menggambarkan hasrat dan kerjasama yang ikhlas antara kita.

Dokumen ini akan disiapkan oleh salah sebuah negara yang ditugaskan, dan kemudian ditandatangani bersama di suatu masa dan tempat yang ditetapkan.

5 **PEMBENTUKAN JABATAN:**

5.1 Sebuah jabatan tetap peringkat antara negara akan dibentuk untuk mengusahakan penerbitan ini.

Jabatan ini akan dikenali dengan nama: JABATAN TETAP PROJEK BUKU PENCAK SILAT INDONESIA MALAYSIA SINGAPURA dengan singkatan-singkatan: JABATAN TETAP PBPS INDOMASI atau JT-PBPS-INDOMASI atau perkataan JABATAN sahaja.

5.2 Setiap negara akan membentuk Jabatan Tetap Projek Buku Pencak Silatnya sendiri yang akan dikenali pula dengan nama: JAWATANKUASA TETAP PROJEK BUKU PENCAK SILAT INDONESIA / MALAYSIA / SINGAPURA dengan singkatan-singkatan: JAWATANKUASA TETAP PBPSI / M / S atau JT-PEPSI / M / S atau perkataan JAWATANKUASA sahaja.

6 **KEANGGOTAAN:**

6.1 Jabatan Tetap PBPS Indomasi akan dianggotai oleh 3 orang wakil dari Jawatankuasa Tetap PEPS tiap negara dengan kehadiran Presiden atau Wakil Peribadi Presiden setiap federasi selaku Penasihat.

6.2 Keanggotaan Jawatankuasa Tetap PEPS tiap negara adalah mengikut keperluannya, tetapi adalah disarankan supaya bilangannya dihadkan seramai 7 orang.

Jika lebih banyak anggota yang diperlukan,

setiap jawatankuasa bolehlah membentuk seksi-seksi pembantunya. Tetap

- 6.3 Untuk kemudahan, Jabatan/PBPS Indomasi ini juga akan bertugas dalam pembentukan INTERNATIONAL PENCAK SILAT FEDERATION yang masa pertemuannya disamakan.

7 PERJAWATAN:

7.1 Jawatan-jawatan dalam Jabatan Tetap PBPS Indomasi adalah sebagai berikut:

- 7.1.1 3 orang Penasihat : terdiri dari Presiden federasi setiap negara.
- 7.1.2 3 orang Pengerusi : seorang Pengerusi dan dua orang Naib Pengerusi - seorang dari setiap negara.
- 7.1.3 3 orang Setiausaha: seorang Setiausaha dan dua orang Penolong Setiausaha, seorang dari setiap negara.
- 7.1.4 3 orang anggota : terdiri dari Ketua Penyelidik / Pengarang Jawatankuasa Tetap PBPS tiap negara.

[Pengerusi dan Setiausaha datangnya dari negara yang sama - setelah semua bahan-bahan terkumpul, Jabatan akan menugaskan salah sebuah negara untuk menguruskan penerbitannya.]

7.2 Jawatankuasa PBPS tiap negara pula adalah terdiri dari:

- 7.2.1 Seorang Penasihat
- 7.2.2 Seorang Pengerusi
- 7.2.3 Seorang Setiausaha
- 7.2.4 Seorang Ketua Penyelidik / Pengarang
- 7.2.5 Dua orang Penyelidik / Pengarang
- 7.2.6 Seorang Jurugambar

8 TUGAS:

8.1 Anggota Jabatan Tetap PBPS Indomasi

8.1.1 Penasihat:

- 8.1.1.1 Menghadhiri mesyuarat jika difikirkannya perlu.
- 8.1.1.2 Menerima dan meneliti minit-minit mesyuarat atau laporan.
- 8.1.1.3 Menasihati bila-bila perlu
- 8.1.1.4 Menjadi wakil dari federasinya

8.1.2 Pengerusi:

- 8.1.2.1 Mmpengerusikan tiap mesyuarat yang diadakan di negaranya.
- 8.1.2.2 Memandu dan mengarahkan kelancaran pelaksanaan rancangan.
- 8.1.2.3 Menjadi juruucapak federasinya.
- 8.1.2.4 Menjadi wakil dari federasinya.

8.1.3 Setiausaha:

- 8.1.3.1 Menjadi Setiausaha I dalam tiap mesyuarat yang diadakan di negaranya.
- 8.1.3.2 Urusan surat-menyurat.
- 8.1.3.3 Catatan minit mesyuarat dan pengedarannya.
- 8.1.3.4 Menyimpan semua dokumen.
- 8.1.3.5 Menyimpan satu salinan dokumen, minit mesyuarat, laporan, rencana yang telah siap/ bahan kajian, catatan, menyiapkan laporan penggalan / tahunan semasa bertugas selaku S/U I untuk diserahkan kepada S/U penggantinya sebagai hak Jabatan dalam timbang terima dari penggal ke penggal atau tahun ke tahun dan lain-lain yang seumpamanya.
- 8.1.3.6 Melaksanakan arahan dari pengerusi / keputusan mesyuarat.
- 8.1.3.7 Menjadi wakil dari federasinya.

8.1.4 Anggota : Ketua Penyelidik / Pengarang:

- 8.1.4.1 Menyiapkan rencana-rencana, salinan-salinan bahan kajian dll yang akan dibentangkan dalam mesyuarat Jabatan.
- 8.1.4.2 Menyimpan satu salinan khas rencana yang telah siap / bahan kajian dari setiap negara bagi pihak Setiausaha untuk timbang terima.

- 8.1.4.3 Membuat laporan lengkap perkembangan kerja-kerja Jawatankuasa Tetap PEPS negaranya untuk dilaporkan dalam mesyuarat Jabatan.
- 8.1.4.4 Menyimpan senarai lengkap perkembangan kerja-kerja Jawatankuasa Tetap PEPS setiap negara dan keputusan-keputusan yang dibuat dalam mesyuarat Jabatan untuk rujukan.
- 8.1.4.5 Menyimpan senarai lengkap rencana-rencana, bahan kajian dll yang diusahakan atau diterima dari lain-lain negara.
- 8.1.4.6 Melaksanakan arahan dari pengerusi / keputusan mesyuarat yang berkaitan dengan tugasnya
- 8.1.4.7 Menjadi wakil dari federasinya.

9.2 Anggota Jawatankuasa Tetap PEPS tiap negara: Tugas Jawatankuasa ini adalah selaras dengan dengan tugas Jabatan sekedar ianya berperingkat nasional.

9.2.1 Penasihat:

- 9.2.1.1 Menghadhiri mesyuarat jika difikirkannya perlu.
- 9.2.1.2 Menerima dan meneliti minit-minit mesyuarat atau laporan.
- 9.2.1.3 Menasihati bila-bila perlu.
- 9.2.1.4 Menjadi salah seorang wakil federasinya ke-peringkat Jabatan.

9.2.2 Pengerusi:

- 9.2.2.1 Mmpengerusikan tiap mesyuarat yang diadakan oleh Jawatankuasanya.
- 9.2.2.2 Memandu dan mengarahkan kelancaran pelaksanaan rancangan.
- 9.2.2.3 Menjadi jurucakap Jawatankuasanya.
- 9.2.2.4 Menjadi salah seorang wakil federasinya ke-peringkat Jabatan.

9.2.3 Setiausaha:

- 9.2.3.1 Menjalankan tugas-tugas kesetiausahaan.
- 9.2.3.2 Melaksanakan arahan dari pengerusi / keputusan mesyuarat.
- 9.2.3.3 Menerima laporan perkembangan kerja-kerja

anggota penyelidik / pengarang Jawatankuasa nya.

9.2.3.4 Menerima perkara-perkara 8.1.4.1 - 8.1.4.3

9.2.3.5 Menjadi salah seorang wakil federasinya ke-
peringkat Jabatan.

9.2.4 Ketua Penyelidik / Pengarang:

9.2.4.1 Membuat rangka kerja penyelidikan.

9.2.4.2 Mengarahkan kerja-kerja penyelidikan dan penu-
lisan rencana.

9.2.4.3 Menerima bahan-bahan kajian dan menyunting
rencana-rencana yang telah disiapkan oleh
anggota penyelidik dan pengarang.

9.2.4.4 Menyiapkan perkara-perkara 8.1.4.1 - 8.1.4.3

9.2.4.5 Menyimpan perkara-perkara 8.1.4.4 & 8.1.4.5

9.2.4.6 Menjadi salah seorang wakil federasinya ke-
peringkat Jabatan

9.2.5 Anggota penyelidik / pengarang:

9.2.5.1 Menjalankan arahan dari Ketua Penyelidik /
Pengarang.

9.2.5.2 Mendapatkan bahan-bahan kajian.

9.2.5.3 Menjalankan penyelidikan.

9.2.6 Jurugambar:

Kerja-kerja penggambaran sebagaimana yang di
arahkan dan membuatkan salinan-salinan yang
diperlukan.

10 HUBUNGAN:

10.1 Hubungan pertemuan dari masa ke masa akan diada-
kan melalui mesyuarat / persidangan pada setiap
6 bulan sekali, iaitu pada bulan Jun & Disember.

10.2 Tempat mesyuarat dijalankan mengikut giliran. Se-
tiap negara akan mengadakan dua kali mesyuarat
dinegaranya; termasuk satu kali mesyuarat yang
diadakan pada masa dijalankan Pesta Silat Tiga
Negara Asean. Ini bermakna tarikh mengadakan
Pesta haruslah pada bulan Jun atau Disember.

10.3 Serentak dengan tarikh diadakan Pesta dan mesyua-
rat Jabatan PEPS Indomasi, diadakan sekali mesyua-
rat penubuhan International Pencak Silat

Federation yang telah dicadangkan supaya diwakili juga oleh perwakilan dalam Jabatan PBPS Indomasi (lihat m.s. 10 - perkara 6.3).

- 10.4 Hubungan surat menyurat akan dibuat oleh Setiausaha-Setiausaha Jabatan mengikut seperlunya untuk menilik perkembangan kerja-kerja dan lain-lainnya.

11 PERBELANJAAN:

- 11.1 Perbelanjaan dalam negeri seperti; tempat tinggal, makan minum, kenderaan / tambang untuk perjalanan yang rasmi, ditanggung oleh tuan rumah.
- 11.2 Persiapan mengadakan mesyuarat / persidangan juga menjadi tugas tuan rumah.
- 11.3 Tambang kapalterbang / keretapi pergi balik akan ditanggung oleh negara peserta selaras dengan semangat Pesta Silat Tiga Negara Asean.

12 TARIKH MESYUARAT:

Tarikh mesyuarat yang pertama selepas mesyuarat pembukaannya di Pekan Olah Raga Asia Tenggara X/1979, akan diadakan di Malaysia semasa diadakan Pesta Silat Tiga Negara Asean ke III pada bulan Disember . Selepas dijalankan sekali di Indonesia dan sekali di Malaysia, mesyuarat berikutnya akan dijalankan di Singapura bersempena dengan Pesta Silat Tiga Negara Asean ke IV pada pertengahan tahun 1980. Seterusnya barulah diadakan dua kali mesyuarat di tiap negara.

13 TUGAS TAMBAHAN:

- 13.1 Jabatan PBPS Indomasi juga haruslah memikirkan tentang kegiatan pencak silat yang terdapat di negara-negara jiran (Asean) yang lain yang tidak mempunyai federasi pencak silatnya sendiri seperti Thailand, Filipina dan Brunei. Selain

dari itu ialah kemungkinan adanya kegiatan-kegiatan pencak silat di negara-negara seperti Sri Lanka, Malagasi dan lain-lain lagi.

- 13.2 Kerja-kerja membuat hubungan dan penyelidikan ke negara-negara jiran (Asean) ini haruslah ditugaskan kepada salah sebuah negara dalam Jabatan ini yang terdekat kepada negara-negara itu untuk mendapatkan bahan-bahan kajian yang diperlukan bagi melengkapi kandungan buku ini.
- 13.3 Jika sekiranya didapati di ~~negara ini~~ mempunyai federasi atau sebarang rupa badan induk pencak silatnya sendiri, negara yang ditugaskan hendaklah mendapatkan keterangan-keterangan yang perlu tentang kemungkinan mereka menyertai projek ini.

14 TUGAS PENYELIDIKAN:

- 14.1 Setiap negara akan bertanggung-jawab dalam mendapatkan bahan-bahan kajian secara mendalam dan meluas dari negaranya / luar.
- 14.2 Bahan-bahan kajian ini hendaklah meliputi semua aspek alam persilatannya dan perkara-perkara yang ada kaitan dengannya secara langsung.
- 14.3 Semua bahan-bahan kajian yang telah terkumpul hendaklah didaftarkan mengikut kumpulannya yang tertentu dan dibuatkan 4 naskah salinannya untuk diedarkan kepada Ketua Penyelidik / Pengarang tiap negara dan satu salinan untuk Jabatan yang akan ^{di}kumpulkan oleh negara Pengerusi dan Setiausaha atau negara yang ditugaskan.
- 14.4 Bahan-bahan kajian yang berbentuk buku, journal majallah, rencana, gambar dan lain-lain yang seumpamanya hendaklah dibuatkan salinan / photo copy nya untuk diedarkan dengan cara yang sama seperti 14.3.
Bahan-bahan kajian yang berbentuk buku, photo copy nya hendaklah dibuat pada petikan-petikan

730. Jika sekiranya buku itu mudah didapati, pembeliannya haruslah dibuat oleh tiap federasi.
- 14.5 Dengan adanya pertukaran bahan kajian atau kurang-kurangnya daftar lengkap bahan-bahan yang telah diperolehi, ini akan dapat:
- 14.5.1 Mengurangkan kemungkinan terjadinya pertimbalan kerja.
- 14.5.2 Memberikan pengetahuan dan pandangan yang meluas kepada setiap anggota penyelidik / pengarang.
- 14.5.3 Memperkaya kandungan perpustakaan tiap federasi dengan bahan-bahan dan dokumen-dokumen yang penting.

15 BAHAN KAJIAN:

Sebagai panduan ringkas, bahan-bahan kajian bolehlah didapati melalui:

- 15.1 Bahan Sastera: akhbar
Buku, journal, /majallah lama, laporan, kertas-kerja, thesis, catatan lama dll yang seumpamanya. Bahan-bahan ini dapat diselidiki dari; perpustakaan, universiti, arkib, toko buku, kementerian / jabatan yang bertanggung jawab dalam hal yang berkenaan, muzium dll.
- 15.2 Bahan-bahan gambar:
Bahan-bahan seperti foto, lukisan, lakaran lama dan baru dan lain-lainnya adalah diperlukan. Bahan-bahan ini juga boleh didapati dari tempat yang sama seperti 15.1
- 15.3 Temuramah:
Menemui pakar-pakar persilatan, ahli sejarah, ahli kaji purba / pegawai pemuliharaan, guru silat atau sesiapa sahaja yang difikirkan layak untuk didapati pengetahuan dan pengalamannya.
- 15.4 Kajilawat / Vidyawisata:
lawatan ke tempat-tempat yang bersejarah untuk mendapatkan keterangan, bukti dan gambar-gambar yang diperlukan.

16 PENULISAN:

- 16.1 Rencana-rencana yang ditulis hendaklah dipereng-gankan mengikut tajuk-tajuk kecil yang tertentu.
- 16.2 Rencana yang telah siap ditulis hendaklah ditaip jarak dua pada kertas berukuran A4.
- 16.3 Untuk rujukan, di bawah tiap helai kertas yang di-gunakan hendaklah dicatatkan keterangan-ketera-ngan seperti; nama buku, ^{rujukan} bab, mukasurat atau lain-lain keterangan yang difikirkan perlu.
- 16.4 Diakhir rencana, nyatakan dengan lengkap daftar rujukan yang dibuat seperti; nama buku, pengarang-nya, keluaran, tahun atau pun; nama tempat, nama orang gambar-gambar foto, lukisan, lakaran dll. Selain dari itu, elok sangat jika dibuatkan kamus erti perkataan-perkataan ^{suah} yang digunakan.
- 16.5 Rencana-rencana yang ditulis hendaklah disunting oleh Ketua Penyelidik / Pengarang sebelum diedar-kan kepada Jawatankuasanya untuk dibincangkan.

17 PENERBITAN:

- 17.1 Semua rencana yang telah diterima di peringkat federasi / negara hendaklah dibuatkan salinannya, diedarkan dan sampai ketangan tiap anggota Jabatan kira-kira dua minggu sebelum tarikh mesyuarat atau persidangan.
- 17.2 Rencana-rencana yang telah dibincangkan, dibaiki dan diterima di peringkat antara negara (Jabatan) akan dikumpulkan dan diserahkan kepada salah se-buah negara untuk disatu dan diselaraskan kandu-ngannya.
- 17.3 Setelah semua tajuk-tajuk yang ada selesai dilak-sanakan penulisannya, pihak Jabatan akan membuat ketetapan untuk penyusunan selanjutnya sehingga menjadi naskah asal sebuah buku.
- 17.4 Naskah asal buku ini akan dibuatkan salinannya untuk semua negara dan satu salinan untuk Jabatan. Naskah ini akan diteliti dan dibincangkan dan di-betulkan mana-mana yang perlu.

- 17.5 Tugas menerbitkan Buku Pencak Silat ini akan diserahkan kepada salah sebuah negara untuk melaksanakannya setelah pihak Jabatan memikirkan nama yang sesuai untuk buku ini. Ongkosnya akan ditanggung bersama oleh ketiga-tiga buah negara.
- 17.6 Jika sekiranya ~~kerjanya~~ buku ini diterbitkan - insyakAllah, kami ingin mencadangkan kepada pihak Jabatan supaya memikirkan kemungkinan untuk mengadakan satu pameran kebudayaan alam persilatan dan demonstrasi pencak silat secara besar-besaran pada masa buku ini diperkenalkan kepada umum. Andainya cadangan ini diperkenankan, seharusnya persiapan-persiapan dimulakan sedikit demi sedikit sebaik-baik pelancaran ~~kerja-kerja~~ melaksanakannya buku ini dimulakan.
- Dengan itu adalah diharapkan^{kan} supaya setiap Ketua Penyelidik / Pengarang mengarahkan anggota-anggota /^{nya} supaya membuat catatan bahan-bahan yang sesuai untuk pameran ini dari masa ke masa. Pihak anggota Jabatan juga diminta untuk mengemukakan cadangan-cadangannya. Pameran ini boleh juga diadakan ~~bersempena dengan~~ Pesta Silat Tiga Negara Asean.

18 PANDUAN:

- bagi anggota pengarang dalam penulisan dan pembentangan.
- 18.1 Setiap anggota sidang pengarang akan memilih atau ditugaskan menulis satu-satu tajuk yang tertentu sebagai sebuah kertas-kerja.
- 18.2 Ia akan menjalankan penyelidikan dan pengkajian mengikut cara-cara yang disukai dan menyiapkan ~~kertas-kerjanya dalam masa~~ yang ditentukan oleh ketua pengarang.
- 18.3 Dari masa ke masa, dalam mesyuarat atau pertemuan yang diadakan anggota sidang pengarang hendaklah melaporkan perkembangan tugasnya.
- 18.4 Setiap penulis boleh mendapatkan bantuan sukarela dari sesiapa sahaja yang dapat membantunya. Nama dan keterangan lengkap pembantunya hendaklah di-

dicatat dan dilaporkan kepada ketua pengarang untuk disenaraikan supaya dapat diberikan peng-
hargaan sewajarnya di belakang hari.

- 18.5 Setelah siap, kertas-kerja itu hendaklah ditaip selang satu garisan / jarak dua di kertas yang berukuran A4 dengan catatan-catatan dibawahnya untuk rujukan dan disertakan dengan gambar-gambar foto, lukisan atau lakaran yang sesuai.
- 18.6 Kertas-kerja ini kemudian diserahkan kepada ketua pengarang untuk disunting dan kepada Setiausaha untuk dibuatkan salinannya untuk pengedaran kepada semua anggota Jawatankuasa.
- 18.7 Setelah dibincangkan dan dibaiki mana-mana yang perlu, dibuatkan salinannya dan diedarkan kepada anggota Jabatan PEPS Indomasi untuk proses selanjutnya.

abhaz
b/p : JPP.- PERSISI

NOTA:

PERSEKUTUAN SILAT SINGAPURA
PERSISI

LAKAR KANDUNGAN - BUKU PENCAK SILAT

BAHAGIAN PERTAMA:
Kandungan Umum

1 : PRAKATA

oleh Ketua Penyelidik / Pengarang.
Tugas ini diserahkan kepada salah seorang Ketua Penyelidik / Pengarang dalam Jabatan untuk memulisnya bagi pihak ketua-ketua yang lain dan ditandatangani oleh ketiga-tiga Ketua Penyelidik / Pengarang.

Bahagian ini mengandungi:
Tujuan, kandungan Buku Pencak Silat secara ringkas, pelaksanaannya, bantuan-bantuan yang diterima, ucapan terimakasih umum kepada pihak-pihak yang tertentu dll.

2 : KATAKIAN

oleh:

- 2.1 Orang-orang kenamaan
- 2.2 Ketua Umum PB - IPSI, Pengerusi Majlis Silat Kebangsaan Malaysia dan Presiden PERSISI.

3 : PENGENALAN

oleh:

Setiausaha-Setiausaha.

bahagian ini mengandungi:

- 3.1 Para perwakilan tiga negara pengusaha.
- 3.2 Jawatankuasa-jawatankuasa buku pencak silat tiga negara.

3.3 Sejarah dan struktur setiap federasi.

4 : **SEJARAH**

Sejarah Projek Buku Pencak Silat
Indonesia, Malaysia dan Singapura.

BAHAGIAN KEDUA:

Kandungan Khusus

5 : **ASAL USUL SENI MEMPERTAHANKAN DIRI SEJAGAT**

mengandungi:

- 5.1 kegiatan manusia pra-sejarah, cara-cara mempertahankan diri mereka untuk hidup dan mempertahankan diri mereka dari binatang dan manusia buas.
- 5.2 Pengaruh-pengaruh dari tabiat binatang-binatang itu dalam seni mempertahankan diri seperti pengaruh gerak pertahanan, gerak serang dll.
- 5.3 Pengaruh adat dan kepercayaan animisme dalam seni mempertahankan diri.
- 5.4 Perubatan dan kedudukan purba. Penggunaan bahan-bahan alam semula jadi di sekeliling mereka.
- 5.5 Penciptaan dan penggunaan senjata untuk memburu dan mempertahankan diri, dan lain-lain hal yang berkaitan dengan tajuk ini.

6 : **FALSAFAH UMUM SENI MEMPERTAHANKAN DIRI SEJAGAT**

dari segi kemestian dan mustahaknya, unsur-unsur disiplin / kawalan diri, taat setia, tabahati, berani, kesihatan rohani dan jasmani, semangat keperwiraan dll.